

---

## KEWARTAWANAN WARGA DI MALAYSIA: SATU KAJIAN DARI SUDUT PANDANGAN WARTAWAN WARGA

RANI ANN BALARAMAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

FARIDAH IBRAHIM  
INFRASTRUCTURE UNIVERSITY KUALA LUMPUR

LAWRENCE AROKIASAMY  
INTERNATIONAL UNIVERSITY OF MALAYA - WALES

SHARIFAH NADIA SYED MUKHIAR  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

### **Abstrak**

Konsep siapa sahaja boleh menjadi wartawan telah menjadi satu 'trend' semenjak kemajuan teknologi dan pencapaian Internet mudah yang melanda negara ini. Sesiapa sahaja yang mempunyai gajet-gajet moden termasuk telefon pintar dan capaian Internet boleh memuatkan apa sahaja yang mereka dengar dan lihat, dan menggelar diri mereka sebagai wartawan warga! Adakah konsep ini benar dalam menggambarkan siapa itu wartawan warga di Malaysia? Apa itu wartawan warga? Siapa itu wartawan warga dan mengapa mereka wujud di negara ini? Kajian ini akan mengupas persoalan industri kewartawanan warga dari sudut pandangan wartawan warga di negara ini.

**Kata kunci:** *Kewartawanan warga, wartawan warga, Kewartawanan Warga Malaysia, CJ.MY, Internet.*

## CITIZEN JOURNALISM IN MALAYSIA: A STUDY ON LOCAL PRACTITIONER'S VIEWPOINT

### **Abstract**

The development of the public acting as journalists has become a trend as a result of technological advances and easy internet access. Anyone with modern gadgets such as smartphones connected to the Internet are able to upload everything they capture, and call themselves citizen journalists! Does this concept correctly describe the Malaysian citizen journalists? What is citizen journalism? Who are citizen journalists and why do they exist in this country? This study will explore and answer questions about citizen journalism from the viewpoint of chosen local citizen journalists.

**Keywords:** *Citizen journalism, citizen journalist, Citizen Journalism Malaysia, CJ.MY, Internet.*

## PENGENALAN

Wartawan warga merupakan mereka yang menjalankan tugas kewartawanan tanpa latihan kewartawanan yang formal. Tetapi definisi ini tidak difahami secara mendalam oleh ramai pengkaji. Ada yang mengkategorikan wartawan profesional sebagai wartawan warga apabila mereka menyumbangkan berita dalam halaman blog dan media sosial. Contohnya seperti kewartawanan masyarakat (*community journalism*) atau kewartawanan sivik yang kedua-duanya diamalkan oleh wartawan profesional. *Collaborative journalism* juga satu konsep yang berasingan dan diamalkan oleh wartawan profesional dan bukan profesional yang bekerjasama antara satu sama lain. Begitu juga dengan kewartawanan penyertaan (*participatory journalism*) yang membolehkan penyertaan pengguna berita dalam proses membuat berita, tetapi proses ini masih dikawal oleh wartawan profesional dalam media arus perdana (Okoro et al., 2013).

Kewartawanan warga juga tidak harus disamakan dengan *accidental journalist* iaitu mereka yang berada di satu-satu tempat kejadian dan merakamkan gambar dan video kejadian, dan kemudiannya rakaman dan gambar berkenaan dimuatnaik ke halaman *Facebook* dan media sosial yang lain. Contoh kejadian adalah seperti kes pembunuhan pengasas Arab-Malaysia Bank (sekarang AmBank Group), Hussain Ahmad Najadi, 75, berhampiran kawasan parkir kereta di Lorong Ceylon, pada 29 Julai 2013. Video rakaman selama 30 saat yang menunjukkan mayat mangsa dipangku oleh isterinya dimuatnaik ke halaman sosial oleh seorang netizen (*The Star*, 30 Julai 2013).

Netizen yang memuatnaik video berkenaan seharusnya tidak dirujuk sebagai wartawan warga, tetapi hanyalah saksi kejadian yang kebetulan berada di tempat kejadian, membuat rakaman atau mengambil gambar dan menerbitkan secara dalam talian (Ross & Cormier, 2010: 58). Sebaliknya, wartawan warga adalah orang yang mengambil inisiatif sendiri untuk melaporkan dan mengulas mengenai isu-isu yang mereka bimbang dan untuk itu, mereka menggunakan alat-alat yang terdapat di Internet (Ross & Cormier, 2010:66). Individu yang memuatnaik kes pembunuhan pengasas bank dalam talian itu seharusnya digelar sebagai *accidental journalist*.

---

Menurut CEO halaman kewartawanan warga Malaysia (*CJ.MY*), Maren Perianan, wartawan warga berfungsi dalam beberapa bentuk iaitu mendapatkan informasi, menulis, mengedit dan menyiarkan berita dalam bentuk tulisan (Maren Perianan 2013). Ada juga wartawan warga yang selesa untuk merakam, mengedit dan menyiarkan video sesuatu kejadian. Selalunya video terhasil apabila berlakunya bencana alam seperti banjir, ribut, kemalangan, ceramah, kejadian dan majlis tertentu dengan tujuan berkongsi dengan pembaca yang lain. Ada juga jenis wartawan warga yang merakamkan gambar dan kemudiannya menyiarkan gambar-gambar berkenaan dengan kapsyen.

Wartawan warga hanya melaporkan apa yang berlaku dan dilarang untuk memberikan pendapat peribadi. Hasil tulisan wartawan warga juga adalah dari sumber yang sahih dan benar. Wartawan warga juga akan mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak sebelum sesuatu artikel dihasilkan dan seterusnya hasil tulisan wartawan warga akan melalui proses suntingan sebelum disiarkan dalam halaman sesawang *CJ.MY*. Proses inilah yang membezakan wartawan warga dengan penulis blog serta *accidental journalist* secara nyata (Maren Perianan, 2013).

## **DEFINISI WARTAWAN DAN KEWARTAWANAN WARGA**

Kewartawanan warga atau *citizen journalism* merupakan satu gelaran baharu kepada pengamal kewartawanan daripada masyarakat kepada masyarakat (Rani Ann Balaraman & Faridah Ibrahim, 2013). Memberikan definisi yang tepat mengenai kewartawanan warga adalah sukar kerana masing-masing organisasi media dan individu mempunyai pendapat mereka yang tersendiri mengenai siapa itu wartawan warga dan apa itu kewartawanan warga. Kewartawanan warga merupakan kata-kata yang mudah tetapi satu konsep yang kompleks (Bentley, 2011). Definisi ini juga berubah mengikut peredaran masa. Kewartawanan warga tidak mempunyai definisi yang lengkap (Lasica, 2003). Adalah mustahil untuk menggunakan definisi yang agak sempit atau definisi yang lebih luas atau longgar (Goode, 2009) kerana kewartawanan warga mempunyai ruang yang luas bergantung kepada tujuan penggunaannya dan ia adalah sukar untuk didefinisikan (Lewis et al., 2010). Sempadan untuk kewartawanan warga belum jelas tetapi istilah ini sering digunakan untuk mewakili mereka yang bukan profesional dan bukan amatir dalam penerbitan bahan berita (Odinga, 2013).

Wartawan warga kini mengumpul, memproses, menyelidik, melapor, menganalisis dan menyiarkan berita dan maklumat dengan menggunakan pelbagai peralatan IT melalui kemudahan Internet. Ia umumnya bermula dengan pendekatan berasaskan halaman sesawang (Bentley et al., 2006). Kewartawanan warga boleh dirujuk sebagai menggunakan alatan dengan tujuan membuat laporan mengenai sesuatu peristiwa. Kemudian, teks dan video dimuat naik terus ke World Wide Web (Badreya Al-Jenaibi, 2002).

Konsep kewartawanan warga pada dasarnya dibahagikan kepada tanggung jawab untuk nilai, etika, pendapat dan pilihan moral. Pembahagian tanggungjawab ini diagihkan sama rata dalam kalangan pengguna dan wartawan, dan mereka adalah pelengkap antara satu sama lain. Pengeluaran berita adalah proses interaktif yang melibatkan nilai-nilai, etika, pendapat dan pilihan moral dalam kalangan wartawan sebagai panduan dengan pengguna sebagai wartawan atau penyaring. Ia juga bermakna bahawa tafsiran realiti berlaku pada tahap pengguna dan tidak lagi di peringkat pengeluar sebagaimana yang telah dilakukan oleh media massa hari ini (Mahfud Anshori, 2010).

Presiden *National Union of Journalists Malaysia* (NUJ), Chew Cheng Sung memberikan definisi kewartawanan warga sebagai seseorang yang menjalankan tugas kewartawanan dalam melaporkan sesuatu berita atau peristiwa tetapi individu berkenaan bukan seorang wartawan sepenuh masa atau profesional (Chew Cheng Sung 2012). Mereka ini hanya berada di tempat kejadian atau tempat berlakunya berita ketika wartawan suratkhbar yang lain tiada di kawasan kejadian.

Ia juga merujuk kepada seseorang yang mengutip maklumat terhadap sesuatu kejadian dan membekalkan berita tersebut kepada media dalam talian atau suratkhbar, akan tetapi mereka tidak mempunyai gaji yang tetap. Ganjaran yang mereka terima hanyalah berdasarkan berita yang mereka tulis dan berapa banyak berita yang mereka tulis (Chew Cheng Sung, 2012).

## **SEJARAH KEWARTAWANAN WARGA DI MALAYSIA**

Malaysia mempunyai acuan kewartawanan warga yang tersendiri jika dibandingkan dengan negara barat ataupun negara-negara Asia yang lain. Halaman portal berita

---

kewartawanan warga Malaysia atau *CJ.MY* merupakan halaman berita kewartawanan warga pertama yang wujud di Malaysia secara rasmi untuk membolehkan rakyat di negara ini berkongsi dan menyumbangkan informasi. *CJ.MY* wujud dari hasil usaha halaman portal *Malaysiakini* yang menyedari bahawa ada berita yang berpotensi di luar sana tidak disiarkan oleh media arus perdana. Untuk membolehkan suara rakyat didengar oleh rakyat yang lain, *Malaysiakini* mengorak langkah untuk melahirkan wartawan warga yang dapat memberikan maklumat yang mereka gemari kepada masyarakat pembaca dengan mengadakan kursus kewartawanan warga (Sharyn Lisa Shufiyan, 2013).

Idea di sebalik kursus ini adalah untuk melengkapkan peserta, tanpa mengira latar belakang, dengan kemahiran kewartawanan dan memperbaiki penulisan mereka serta mengasah kemahiran baharu seperti penggunaan video untuk bercerita, dan mengendalikan kamera untuk merakamkan gambar. Objektif asas adalah untuk mewujudkan wartawan warga yang baik, bertanggungjawab, beretika dan tidak berat sebelah. Mereka juga diperkenalkan kepada dunia kewartawanan, etika yang akan membimbing mereka dan ciri yang akan membezakan mereka daripada wartawan media tradisional.

Wartawan warga di Malaysia diberikan kemahiran asas kewartawanan dan diberikan kebebasan untuk menghantar berita mereka ke halaman *CJ.MY* yang seratus peratus dikhaskan untuk memuatkan karya-karya wartawan warga sahaja. Halaman *CJ.MY* tidak menerima berita-berita dari mereka yang tidak menghadiri bengkel yang dianjurkan. Situasi ini adalah berbeza dengan negara lain seperti Korea Selatan yang terkenal dengan halaman sesawang *OhmyNews* yang menerima sumbangan dari pembacanya dari seluruh negara dan berita berkenaan disiarkan tanpa melalui proses penyuntingan.

Alasan mengapa hanya mereka yang terlatih sahaja yang diterima hasil penulisan mereka untuk disiarkan dalam *CJ.MY* adalah untuk mengelakkan pembaca di Malaysia menerima fakta-fakta yang tidak benar yang seterusnya boleh menjadi penyumbang kepada ancaman ketenteraman negara. Penerbitan berita yang berat sebelah dan tidak mencerminkan prinsip kewartawanan juga cuba dielakkan oleh *CJ.MY*. Semua berita yang mempunyai sumber yang sahih dan boleh dipercayai dan selagi berita berkenaan tidak menyentuh isu-isu

sensitif yang boleh membawa kepada tergugatnya keamanan negara, maka berita berkenaan akan disiarkan (Maren Perianan, 2013).

Bengkel yang dianjurkan ini adalah latihan teori dan praktikal yang direka untuk menukar orang biasa seperti guru, peguam, pelajar dan pesara untuk bersikap adil, beretika dan berani melaporkan isu-isu yang membimbangkan mereka dan masyarakat di sekeliling mereka. Lebih 80 bengkel latihan telah dijalankan di seluruh Malaysia termasuk di Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur, Johor, Sabah dan Sarawak. Sejak pengenalan program ini, sebanyak 400 wartawan warga berjaya dilatih, di mana 150 adalah pemberita aktif sehingga kini.

*CJ.MY* yang pada asalnya dikenali sebagai *komunitikini* diberikan nama baru dan dikenali sebagai *Citizen Journalism Malaysia* atau *CJ.MY* dan wartawan warga juga mempunyai tema mereka yang tersendiri iaitu "Wartawan Warga Memperkasa Komuniti". Manakala pada Jun 2012 pula menyaksikan *CJ.MY* berdiri sendiri tanpa naungan dari *Malaysiakini*. *Malaysiakini* dan *CJ.MY* telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang menggariskan dengan teliti hubungan berterusan di antara *Malaysiakini* dan *CJ.MY*. MoU ini secara terang menyatakan *CJ.MY* kini merupakan entiti bebas dan keputusan ini dibuat bagi membolehkan *CJ.MY* menjadi sebuah syarikat Sendirian Berhad (Maren Perianan, 2013).

Sebagai sebuah organisasi yang berdiri sendiri, *CJ.MY* kini diterajui oleh Leow Beng Hock dan pengarah operasinya ialah Maren Perianan dan disokong oleh 380 wartawan warga yang terlatih dari seluruh Malaysia. Wartawan warga ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, iaitu dari kalangan pelajar semuda 19 tahun sehinggalah pesara yang telah berusia 70 tahun dan mempunyai minat untuk menulis dan mahukan pembaharuan dalam penulisan berunsur politik di negara ini (Maren Perianan, 2013).

Dari segi kajian ilmiah, kewartawanan warga diberikan definisi dan gelaran mereka yang tersendiri. Bagaimanapun dari segi sudut pandangan wartawan warga di Malaysia, apakah definisi yang diberikan oleh wartawan warga kepada diri mereka? Mengapa mereka

yang tidak mempunyai latar belakang kewartawanan ingin memikul tanggungjawab ini dan apakah perjuangan mereka di Malaysia yang medianya masih dikawal oleh pihak kerajaan?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan dengan cara temu bual mendalam dengan wartawan warga itu sendiri. Temu bual mendalam telah dilakukan terhadap tiga orang wartawan warga yang aktif menyumbangkan berita dalam halaman *CJ.MY*. Wartawan warga yang ditemubual merupakan kumpulan pertama yang menceburkan diri dalam bidang ini secara rasmi di bawah portal berita *CJ.MY* dan banyak mengikuti perkembangan kewartawanan warga dari pelbagai sudut sejak dari awal lagi. Ketiga-tiga wartawan warga ini digelar sebagai wartawan warga pertama (CJ1), wartawan warga kedua (CJ2), dan wartawan warga ketiga (CJ3).

Informan CJ1 merupakan wartawan warga aktif yang pernah memenangi anugerah penulisan artikel terbaik tahun 2012 dan penulisan artikel terbaik bulanan. Informan CJ2 merupakan individu yang telah menyumbangkan lebih dari seratus artikel dalam halaman *CJ.MY*. Manakala informan CJ3 juga merupakan wartawan warga aktif yang mempunyai minat menulis sejak kecil dan antara wartawan yang menyumbangkan berita yang paling banyak setiap bulan.

Temu bual dengan wartawan warga dilakukan untuk menjawab beberapa persoalan termasuk: siapa mereka, bagaimana wartawan warga mendefinisikan diri mereka, sumber apa yang digunakan atau bagaimana mereka mendapatkan berita, mengapa mereka menjadi wartawan warga dan apa agenda yang cuba mereka bawakan perkenalkan kepada masyarakat Malaysia. Manakala dapatan kajian dari temu bual mendalam ini telah dianalisis secara manual iaitu analisis tematik sahaja.

## **DAPATAN KAJIAN**

### ***Definisi***

Pelbagai pihak telah memberikan definisi mereka mengenai apa itu kewartawanan warga, tetapi sebagai seorang wartawan warga, bagaimanakah golongan ini mendefinisikan diri mereka sendiri? Hasil temu bual dengan ketiga-tiga informan mendapati mereka

mendefinisikan diri mereka sebagai golongan yang menulis berita komuniti dan apa sahaja berita yang dipinggirkan oleh media tradisional.

Bagi CJ1, definisi wartawan warga dari sudut pandangannya ialah warga Malaysia yang merupakan orang biasa yang cuba untuk memberikan berita iaitu apa sahaja berita yang tidak boleh ditemui dan tidak diberikan perhatian oleh media tradisional seperti media cetak dan media penyiaran.

CJ2 juga memberikan jawapan yang hampir sama seperti CJ1. Beliau menyatakan, wartawan warga ialah mereka yang menulis sesuatu yang tidak diketengahkan oleh media tradisional iaitu golongan yang mahu mengetengahkan berita pada tahap akar umbi, isu komuniti; ianya mungkin isu penting dan kadang-kadang isu yang remeh-temeh sahaja. Bagaimanapun, CJ2 menegaskan bahawa wartawan warga bukanlah kumpulan pembangkang yang hanya menulis isu sensitif dan topik yang memburukkan kerajaan, tetapi mereka menulis apa yang benar-benar diluahkan oleh penduduk Malaysia di peringkat akar umbi.

Walaupun informan CJ3 tidak menyentuh mengenai media arus perdana, tetapi beliau turut menyatakan wartawan warga merupakan mereka yang menulis mengenai isu-isu komuniti. Kata beliau, wartawan warga merupakan orang yang menghasilkan berita termasuk berita komuniti, laporan isu semasa dan isu-isu lokal. Jelas beliau, berita yang dihasilkan oleh wartawan warga merupakan berita yang dikutip dari semua pihak tanpa mengira status sosial atau pangkat.

Selain memberikan definisi, persoalan siapa yang layak untuk menjadi wartawan warga juga dikupas dalam temu bual dengan ketiga-tiga informan ini. Ketiga-tiga informan bersetuju bahawa sesiapa sahaja yang berminat untuk menjadi wartawan warga boleh berbuat demikian. Informan CJ1 berkata wartawan warga merupakan sesiapa sahaja yang berminat untuk menulis tanpa mengira usia, pekerjaan dan latar belakang. Jelas beliau lagi, asas penting untuk menjadi wartawan warga ialah minat untuk menulis dan menyampaikan berita secara telus.

Manakala informan CJ2 berpendapat wartawan warga merupakan mereka yang mahu membawa perubahan iaitu perubahan dari peringkat akar umbi atau atasan yang dapat diketengahkan dan diketahui oleh orang lain. Perubahan di sini menurut beliau ialah bagaimana masyarakat berfikir dan bertindak. CJ2 turut berpendapat walaupun perubahan yang dibawa mungkin kecil, tetapi perubahan yang kecil inilah bakal menjadi batu asas kepada satu perubahan yang lebih besar pada masa hadapan.

Informan CJ3 juga memberikan jawapan yang sama seperti CJ1. Beliau berkata, sesiapa sahaja boleh menjadi wartawan warga, tanpa mengira usia, keturunan dan bangsa. Menurut CJ3, apa yang penting ialah seseorang individu itu harus mempunyai minat. Seseorang itu juga tidak semestinya mempunyai kemahiran dalam penulisan, kerana sebagai wartawan warga, maklumat juga boleh disampaikan melalui rakaman video atau gambar sahaja.

Menjadi wartawan sepenuh masa adalah berbeza dengan menjadi wartawan warga kerana selalunya wartawan warga merupakan golongan yang langsung tidak mempunyai latar belakang kewartawanan dan hanya belajar daripada pengalaman mereka. Tetapi benarkah wartawan warga di Malaysia langsung tidak mempunyai latar belakang kewartawanan, apa yang menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk menjadi wartawan warga dan adakah mereka gembira dengan apa yang mereka lakukan?

Informan CJ1 tidak mempunyai asas dalam bidang kewartawanan tetapi beliau banyak menulis kerana beliau bekerja dengan persatuan yang memerlukan beliau menulis dan menyediakan laporan. Beliau berminat menjadi wartawan warga kerana beliau akan berasa gembira jika melihat nama dan artikel tulisan beliau diterbitkan. Beliau juga mendapat kepuasan dan kegembiraan apabila apa yang ditulis oleh beliau berjaya membuka mata mana-mana pihak yang berkaitan.

Informan CJ2 yang juga tidak mempunyai pengalaman dalam bidang kewartawanan menyatakan minat telah membawa beliau untuk menjadi wartawan warga. CJ2 menyatakan beliau gembira dengan apa yang sedang beliau lakukan kini kerana hasil tulisan beliau sedikit sebanyak dapat membawa perubahan kepada komuniti di Malaysia. Seperti informan CJ1 dan

informan CJ2, informan CJ3 juga tidak mempunyai pengalaman kewartawanan dan tujuan beliau menjadi wartawan warga kerana minat dalam bidang penulisan dan mahukan berita-berita yang tidak diberi perhatian oleh media tradisional diketengahkan oleh wartawan warga kepada netizen di Malaysia. Jelas CJ3, beliau berasa puas dan gembira apabila sesuatu isu yang beliau ketengahkan mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak yang berkaitan.

### ***Sumber berita***

Bukan seperti wartawan media tradisional yang mendapat berita melalui arahan editor dan jemputan dari pelbagai pihak, wartawan warga tidak mempunyai editor yang memberikan arahan dan wartawan warga juga tidak begitu dikenali dalam kalangan masyarakat. Jadi bagaimanakah golongan ini mendapat berita untuk diberikan kepada pembaca mereka? Hasil temu bual mendapati wartawan warga banyak menggunakan kedudukan mereka dalam masyarakat, pekerjaan, pengalaman, media sosial dan rakan-rakan di sekeliling mereka untuk mendapatkan maklumat.

Informan CJ1 menggunakan media sosial bagi mendapatkan maklumat untuk menulis. CJ1 menggunakan media sosial untuk mendapatkan informasi mengenai aktiviti yang bakal berlaku di sekitar kawasan kediaman beliau dan bertanyakan pendapat mengenai satu-satu isu daripada rakan-rakan di alam maya. Manakala informan CJ2 merupakan seorang pekerja di sebuah NGO yang berjuang untuk hak-hak pekerja dan beliau menggunakan peluang ini untuk menulis mengenai apa yang diinginkan oleh golongan pekerja ini dari pihak kerajaan, kerana selalunya berita golongan yang menentang kerajaan tidak akan diberikan perhatian oleh pihak media tradisional. Informan CJ2 juga menggunakan peluang sebagai anggota kumpulan kebajikan dan pengalaman diri sendiri untuk mendapatkan berita. Informan CJ3 pula lebih bergantung kepada maklumat dari rakan-rakan sekerja yang lain dan informasi dari poster dan maklumat yang digantung di tempat-tempat awam.

### ***Motivasi penulisan***

Wartawan warga bergerak secara sukarela dan tidak diberikan sebarang bayaran untuk hasil tulisan mereka. Apa yang diperoleh oleh golongan ini adalah kepuasan melihat tulisan mereka diterbitkan dalam halaman sesawang *CJ.MY*. Bagaimanapun semasa persidangan kewartawanan warga yang keempat di Kota Kinabalu, Sabah pada Jun 2013, CEO *CJ.MY*,

Maren Perianan telah mengumumkan bahawa salah satu cadangan pada masa hadapan ialah untuk memberikan bayaran bagi setiap berita yang dihasilkan oleh wartawan warga. Apakah respon yang diberikan oleh wartawan warga terhadap pengumuman ini? Adakah pengumuman ini membawa apa-apa perubahan dari segi motivasi bekerja untuk wartawan warga di negara ini?

CJ1 menyatakan beliau menjadi wartawan warga hanyalah secara sukarela dan kerja sambilan untuk memenuhi minat menulis dan mengisi masa lapang beliau tetapi beliau gembira jika diberikan bayaran. Informan CJ2 dan CJ3 turut memberikan jawapan yang sama iaitu mereka menulis bukan untuk mendapatkan bayaran, tetapi lebih bertujuan untuk mengubah minda dan menolong masyarakat. Kedua-dua mereka juga menulis agar isu yang diketengahkan akan mendapat perhatian dan tindakan sewajarnya diambil untuk menangani isu itu dan seterusnya membawa perubahan kepada masyarakat.

### ***Isu berita yang diedit***

Wartawan warga sebenarnya merupakan satu golongan yang bebas menulis tanpa sebarang sekatan dari mana-mana pihak. Situasi ini dipraktikkan di negara-negara barat dan banyak negara di Asia. Golongan ini menikmati kebebasan dari segi undang-undang dan menerbitkan berita tanpa melalui proses editorial. Tetapi berita-berita yang dihasilkan oleh wartawan warga di Malaysia harus melalui proses editorial. Persoalannya, adakah wartawan warga di Malaysia selesa dengan sistem ini? Hasil temu bual menunjukkan ketiga-tiga informan merasakan berita yang mereka hasilkan harus melalui proses editorial untuk kebaikan diri wartawan warga itu sendiri dan untuk mengelakkan wartawan warga yang bekerja secara sukarela terjebak dengan sebarang masalah dan seterusnya terpaksa berhadapan dengan tindakan undang-undang. Lagipun ketiga-tiga wartawan warga ini tidak bersedia untuk mengambil sebarang risiko dalam penulisan mereka. Ketiga-tiga wartawan warga ini juga menyatakan hasil tulisan mereka perlu melalui proses suntingan untuk memastikan mereka menulis dengan bahasa yang betul dan mudah difahami oleh pembaca.

### ***Tema***

Dalam bahagian yang membincangkan tema ini, beberapa subjek akan diketengahkan iaitu apakah isu-isu utama yang dibincangkan dalam halaman kewartawanan warga dalam talian di

Malaysia untuk pembaca dan adakah kewartawanan warga mampu membawa kebebasan media di negara ini serta keperluan media tradisional bekerjasama dengan wartawan warga untuk menyajikan berita yang menyeluruh kepada pembaca di negara ini.

Rumusan dari hasil temu bual menunjukkan bahawa kesemua informan yang juga wartawan warga berminat menulis mengenai apa yang berlaku di sekeliling mereka iaitu menulis mengenai isu kemasyarakatan. Informan CJ1 mahu memberikan informasi kepada pihak lain yang tidak tahu mengenai sesuatu isu. Informan CJ2 pula lebih kepada memperjuangkan hak asasi manusia dan mendapat kepuasan apabila menulis mengenai sesuatu isu yang berlaku di sekeliling beliau dan tidak diberikan perhatian oleh media tradisional tetapi sebagai wartawan warga beliau memikul tugas itu untuk memberitahu kepada ahli masyarakat yang lain. CJ3 menyatakan ia merupakan agenda utama beliau apabila menjadi wartawan warga iaitu menolong orang lain dan lebih memberikan perhatian pada isu-isu kemasyarakatan.

### ***Kebebasan media***

Adakah dengan tema dan perjuangan yang cuba dibawa oleh kewartawanan warga ini boleh membawa kebebasan media di negara ini dan seterusnya mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas dalam meluahkan pendapat mereka tanpa sekatan dari mana-mana pihak terutamanya pihak kerajaan? Ketiga-tiga informan bersetuju bahawa kewartawanan warga boleh membawa kebebasan media di negara ini, kalau tidak banyak, mungkin sedikit dan secara perlahan-lahan. Menurut informan CJ1, walaupun kebebasan yang dibawa bukannya dari segi politik tetapi mungkin dari aspek lain terutamanya isu-isu agama termasuk agama Kristian, Buddha dan Hindu diberikan ruang untuk dipaparkan dalam media, kerana selalunya isu-isu agama bukan Islam jarang diberikan tempat di media tradisional.

Informan CJ2 menyatakan kebebasan media di negara ini boleh dicapai dalam pelbagai aspek termasuk aspek sosial, ekonomi, kebudayaan, agama dan tidak harus menyempitkan definisi kebebasan dengan dunia politik. Beliau juga menyatakan kebebasan media yang ingin dicapai juga tidak harus menyentuh isu-isu sensitif yang boleh membawa kemarahan pihak lain. Walaupun informan CJ3 bersetuju bahawa memang kewartawanan warga boleh membawa kebebasan media di negara ini, tetapi beliau masih berasa was-was

terhadap kerajaan yang semakin teliti dalam memantau media dalam talian di negara ini terutamanya media yang bebas seperti *CJ.MY*.

### ***Kerjasama wartawan warga dan media tradisional***

Dalam mempelbagaikan informasi yang disajikan kepada netizen di Malaysia, adakah wartawan warga perlu bekerjasama dengan wartawan media tradisional untuk membolehkan kedua-dua pihak memberikan maklumat yang menyeluruh kepada pembaca mereka. Hasil temu bual menunjukkan informan CJ1 tidak merasa kerjasama perlu wujud manakala informan CJ2 dan CJ3 pula menyatakan kerjasama perlu wujud untuk membolehkan perkembangan dan perkongsian berita berlaku.

Informan CJ1 lebih selesa jika kedua-dua pihak melakukan tanggungjawab mereka secara berasingan. Beliau memberikan alasan mungkin wartawan dan media tradisional tidak menyukai wartawan warga yang dilihat sebagai pesaing mereka. Informan CJ2 pula menyatakan kerjasama harus wujud untuk membawa perkembangan berita yang sihat di negara ini. Informan CJ3 menyatakan beliau banyak dibantu oleh wartawan dari media tradisional dan ini menunjukkan wujudnya perkongsian berita antara media arus perdana dan wartawan warga.

### ***Kerelevanan berita oleh wartawan warga***

Oleh sebab wartawan warga di Malaysia berkembang secara dalam talian, maka pembaca mereka merupakan orang yang melayari Internet atau lebih dikenali sebagai netizen. Dalam perkembangan dunia IT yang berubah setiap saat dan lambakan portal Berita, bagaimanakah wartawan warga berperanan dalam memberikan informasi kepada pembaca mereka? Walaupun persoalan ini agak berat untuk dijawab tetapi ketiga-tiga informan hanya memberikan jawapan yang ringkas iaitu mereka mempunyai keistimewaan dengan memberikan berita benar dan sahih yang tidak diberikan perhatian oleh pihak lain iaitu cerita komuniti dan acara setempat.

Informan CJ1 menyatakan berita yang mereka hasilkan lebih ‘bernyawa’ kerana wartawan warga mendalami perasaan dan faham mengenai masyarakat dan keperluan mereka kerana wartawan warga juga merupakan masyarakat biasa. Wartawan warga juga dikatakan

jujur dan tidak berpihak kepada sesiapa. Informan CJ2 pula menyatakan minat masyarakat yang juga merupakan netizen yang memanggil beliau membuat liputan untuk berita-berita yang dipinggirkan oleh media arus perdana menunjukkan kepentingan wartawan warga dalam memberikan maklumat kepada pembaca dalam talian. Informan CJ3 menyatakan mereka sangat dekat dengan masyarakat dan membuka peluang kepada setiap individu untuk bersuara.

### ***Masa Hadapan Kewartawanan Warga***

Kewartawanan warga yang kini berkembang kerana kebebasan dalam talian yang dinikmati menghadapi pelbagai cabaran dari pelbagai pihak termasuk daripada pembaca sendiri yang tidak berapa mengenali siapa itu wartawan warga dan pihak media tradisional yang turut berlumba-lumba untuk mengadakan laman sesawang berita mereka untuk menjadi pelengkap kepada bahan bercetak mereka di pasaran. Persoalannya, adakah wartawan warga mempunyai masa hadapan di negara ini? Ketiga-tiga informan senada dalam memberikan jawapan mereka iaitu bersetuju bahawa kewartawanan warga mempunyai masa hadapan di negara ini.

Menurut informan CJ1, kewartawanan warga ada masa hadapan, jika mereka cukup berdedikasi dan menyampaikan kebenaran. Manakala Informan CJ2 pula menyatakan kewartawanan warga mempunyai masa hadapan jika mempunyai sokongan daripada pihak-pihak tertentu. Alasan yang diberikan oleh informan CJ3 pula adalah berbeza. Beliau berkata, Malaysia sangat besar dan terdapat banyak masalah yang tidak mungkin dapat diketengahkan oleh media arus perdana. Jadi, kewartawanan warga dapat membantu menutup lompang yang ditinggalkan oleh media utama di negara ini.

### **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Hasil temu bual dengan wartawan warga telah memberikan definisi wartawan warga sebagai “sesiapa sahaja iaitu orang biasa yang cuba memberi berita yang tidak diberikan perhatian oleh media tradisional dan berminat untuk menulis mengenai isu-isu komuniti”. Wartawan warga juga menggelarkan diri mereka sebagai sukarelawan dan berpendapat sesiapa sahaja yang berminat untuk membawa perubahan dalam komuniti boleh menjadi wartawan warga. Wartawan warga juga berpendapat mereka mempunyai peranan dalam menyampaikan informasi terutamanya mengenai isu-isu setempat kepada masyarakat.

Golongan ini yang begitu bermotivasi dalam memberikan maklumat daripada pihak akar umbi, bekerja tanpa sebarang bayaran dan melakukan tugas kewartawanan dengan motivasi sendiri. Wartawan warga juga berharap dengan sumbangan mereka ini satu hari nanti mereka dapat membawa kepada kebebasan media di negara ini terutamanya dalam bidang keagamaan dan sosial. Kewujudan wartawan warga ini turut memberikan masyarakat pilihan untuk membaca satu lagi medium berita yang berkualiti. Akses kepada maklumat yang berkualiti dan sahih daripada pelbagai media bagi setiap warganegara adalah penting (Samsudin A. Rahim, 2010). Kepelbagaian berita ini seterusnya boleh membawa perubahan dalam minda dan tingkah laku yang positif dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya netizen di negara ini.

Bagaimanapun, masa hadapan wartawan warga di negara ini sebenarnya banyak bergantung kepada kemajuan teknologi dan Internet di Malaysia. Wartawan warga dalam talian di Malaysia boleh berkembang dengan selesa selagi kerajaan Malaysia masih mengamalkan demokrasi di alam maya. Walaupun demokrasi di alam maya ini dipraktikkan kerana kepentingan ekonomi (Nor Azlin Bidin & Normah Mustaffa, 2012), tetapi ia turut memberikan peluang untuk kewartawanan warga berkembang di negara ini.

## **BIODATA PENULIS**

*Rani Ann Balaraman* adalah pensyarah di Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia. Bidang kajian beliau adalah kewartawanan warga, kewartawanan dan media baru. rani\_balaraman@usm.my

*Faridah Ibrahim* adalah Professor dan Dekan di Fakulti Sastera, Komunikasi dan Pendidikan (FACE) di Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL).

*Lawrence Arokiasamy* merupakan Prof. Madya di International University of Malaya-Wales.

*Sharifah Nadiah Syed Mukhiar* merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia. Bidang kajian beliau adalah dalam bidang kajian komunikasi pemujuan dan media baru.

## **RUJUKAN**

Badreya Al-Jenaibi. (2012). War and the Worlds and the Promise of Social Media Tools. *Journal of Mass Communication & Journalism* 2 (10): 1-12.

- Bentley, C., Hamman, B., Ibold, H., Littau, J., & Meyer, H. (2006). Sense of community as a driver for citizen journalism. Paper presented at the *Civic and Citizen Journalism Interest Group of the AEJMC 2006 Annual Convention*. San Francisco, CA:1-23.
- Bentley, C. H. (2011). Citizen Journalism: Back to the Future? *Geopolitics, History, and International Relations* (1): 103-118.
- Chew Cheng Sung. (2012). Wartawan Warga di Malaysia. Temu bual, 18 September 2012.
- Goode, L. (2009). Social news, citizen journalism and democracy, *New Media & Society* 11(8): 1287-1305.
- Lasica, J.D. (2003). What is Participatory Journalism. *Online Journalism Review*. <http://www.ojr.org/ojr/workplace/1060217106.php> [15 November 2010].
- Lewis, S.C., Kaufhold, K. & Lasorsa, D. L. (2010). Thinking About Citizen journalism The philosophical and practical challenges of user-generated content for community newspapers. *Journalism Practice* 4(2), 163-179.
- Mahfud Anshori. (2010). The Paradigm Shift in News (A theoretical Perspective on Online News Concepts) *Jurnal Komunikasi Massa*. 3 (1): 1-11.
- Maren Perianan. (2013). Temu bual, 8 Januari.
- Nor Azlin Bidin & Normah Mustaffa. (2012). Blogosphere: How youth perceived blogs credibility. *Jurnal Komunikasi*, 28(1), 33-54.
- Okoro, N., Diri, C. T., & Odii, C. (2013). Citizen journalism in Nigeria: Possibilities and challenges. *New Media and Mass Communication*1: 1-9.
- Pengawal Keselamatan Tembak Mati Pegawai Ambank Bulan Lalu Akhirnya Ditangkap. [http://www.mstar.com.my/berita/jenayah/cerita.asp?file=/2013/11/10/mstar\\_jenayah/20131110093629&sec=mstar\\_jenayah](http://www.mstar.com.my/berita/jenayah/cerita.asp?file=/2013/11/10/mstar_jenayah/20131110093629&sec=mstar_jenayah) [12 November 2013].
- Rani Ann Balaraman & Faridah Ibrahim.(2013). Kewartawanan dari warga kepada warga: Punca kewujudan dan perkembangannya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 29(2), 175-188.
- Ross, R. & Cormier, S.C. (2010). *Handbook for citizen journalists*. Denver, Colorado: National Association of Citizen Journalists (NACJ).
- Samsudin A. Rahim. (2010). Media demokrasi dan generasi muda: Analisis keputusan Pilihanraya Umum ke-12. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 26(2) 1-15.
- Sharyn Lisa Shufiyan. (2013). *About Us*. <http://cj.my/about-cjmy/>. (13 April 2013).
- Wartawan warga pertama (CJ1). (2013). Temu bual, 10 Januari.

Wartawan warga kedua (CJ2). (2013). Temu bual, 10 Januari.

Wartawan warga ketiga (CJ3). (2013). Temu bual, 10 Januari.